## Salinan Sah Hakmilik

### Maklumat Am

Perkhidmatan pengeluaran salinan sah bagi dokumen hakmilik tanah/strata berdaftar secara dalam talian melalui Portal Awam e-Tanah Negeri Selangor.

### Kaedah Permohonan

1. Log masuk Portal Awam e-Tanah Selangor menggunakan e-mel dan kata laluan akaun berdaftar.
2. Klik modul "Pendaftaran".
3. Pilih urusan "SSHM - Salinan Sah Hakmilik" di bahagian Tindakan.
4. Isikan Maklumat Hakmilik Terlibat (Negeri, Daerah, Bandar/Pekan/Mukim, Jenis Hakmilik, Nombor Hakmilik) dengan lengkap dan klik butang "Tambah".
5. Semak Senarai Hakmilik yang dipaparkan, pastikan Bilangan Salinan Hakmilik adalah betul, dan klik "Teruskan Permohonan".
6. Semak Maklumat Bayaran yang dipaparkan, tandakan petak Perakuan jika maklumat adalah benar, dan klik "Bayar".
7. Pilih kaedah bayaran FPX dan klik "Seterusnya".
8. Pilih bank berkenaan, masukkan Alamat E-mel dan Nombor Telefon Bimbit dengan lengkap, dan klik "Teruskan".
9. Setelah bayaran berjaya, maklumat Resit Pembayaran akan terpapar; klik "Cetak Resit Bayaran".
10. Semak status permohonan melalui menu "Status Permohonan"; apabila status "Selesai", muat turun atau cetak Salinan Sah Hakmilik di bahagian Tindakan.

### Fi Bayaran

| Bil. | Urusan | Fi (RM) |
|---|---|---|
| 1. | Salinan Sah Hakmilik | 50.00 |

### Tempoh Siap

| Bil. | Urusan | Tempoh |
|---|---|---|
| 1. | Salinan Sah Hakmilik | 3 hari waktu bekerja |

### Maklumat Tambahan

1. Permohonan bagi hakmilik selain di bawah Jadual Ke-16 Kanun Tanah Negara dan Jadual Ke-6 Akta Hakmilik Strata hendaklah melalui Kaunter SPOC PPTG Selangor (bukan dalam talian).
2. Cetakan hanya wujud selama 3 hari dari tarikh kelulusan. Sekiranya tidak dimuatturun dalam tempoh 3 hari, permohonan semula perlu dilakukan.